



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	5/7/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	-			

Lawatan maya ke Zoo Taiping & Night Safari dapat sambutan

TAIPING - Lawatan maya ke Zoo Taiping & Night Safari pada pagi Ahad telah mengubat kerinduan orang ramai yang ingin mengunjungi lokasi pelancongan itu ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan ia masih tidak dibenarkan beroperasi setakat ini.

Sesi Facebook Live dan Instagram yang menayangkan lawatan secara percuma bermula jam 10 pagi itu, memaparkan buaya tembaga yang terdapat di zoo berkenaan secara langsung yang mendapat sambutan amat menggalakkan daripada pengguna media sosial.

Menurut pegawai veterinar Zoo Taiping & Night Safari, Dr Muhammad Ridzuan Affendi yang memberi penerangan semasa lawatan itu, terdapat enam ekor buaya tembaga yang ditempatkan di kawasan luas bagi memudahkan haiwan reptilia itu mengawan dan berjemur.

"Buaya jantan mempunyai berat antara 450 hingga 600 kilogram (kg) dengan panjang 6.3 meter, manakala buaya betina mempunyai berat antara 200 hingga 300 kg dengan tiga meter panjang.

"Reptilia ini mempunyai jangka hayat sehingga 70 tahun dan bertelur antara lima hingga tujuh biji serta tempoh pengeraman telur untuk menetas selama 90 hari," katanya.

Aktiviti itu dilaksanakan sebagai inisiatif zoo berkenaan yang terkesan susulan penutupan aktiviti pelancongan akibat Covid-19 kerana sebelum ini ia menjadi antara lokasi tumpuan pelancong.

Zoo Taiping yang dibuka pada 1961 merupakan zoo tertua di Malaysia dan mempunyai lebih 1,300 ekor haiwan dengan 180 spesies di kawasan seluas 14 hektar.

- *Bernama*

Sesi Facebook Live dan Instagram yang menayangkan lawatan maya secara percuma mendapat sambutan amat menggalakkan daripada pengguna media sosial.

